

## **FENOMENA BUNUH DIRI SEMASA PANDEMIK COVID19 DAN PANDANGAN SUNNAH TERHADAPNYA**

Ahmad Izzuddin Abu Bakar (Pengarang)

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +601279771842, Emel: izzuddin@usim.edu.my

### **Abstrak**

Mutakhir ini kes bunuh diri memperlihatkan peningkatan yang signifikan. Pakar-pakar dan pihak berkuasa menghubungkan fenomena ini dengan tekanan kewangan yang dialami oleh masyarakat. Keadaan berpunca daripada situasi ekonomi yang tidak memberangsangkan lantaran pandemik Covid19 yang menyerang hampir seluruh negara dunia. Islam melarang sebarang bentuk tindakan yang membawa kepada bunuh diri. Kajian lepas menjelaskan kepercayaan ini mencegah wujudnya kejadian bunuh diri secara meluas di kalangan orang Islam. Artikel akan menyorot pandangan sunnah dengan terperinci terhadap perbuatan bunuh diri. Perkara ini akan menguatkan pegangan sedia ada di kalangan individu muslim yang akan menghindarkannya daripada terjerumus ke dalam masalah tersebut. Kaedah yang digunakan adalah kualitatif jenis analisis kandungan. Hadis-hadis mengenai bunuh diri akan dihimpunkan dan dianalisa. Makna-makna yang ditunjukkan akan dikeluarkan dan disusun. Dapatan kajian memaparkan seperti yang berikut; 1. Membunuh diri merupakan dosa besar, 2. Membunuh diri termasuk dalam dosa membunuh manusia, 3. Pelaku akan diazab mengikut caranya membunuh diri, 4. Nabi SAW tidak solat ke atas jenazahnya tetapi menyuruh orang lain, 5. Membunuh diri tidak membawa kepada kufur dan 6. Islam melarang mengharap kematian.

**Kata Kunci: Bunuh Diri, Hadis Bunuh Diri, Bunuh Diri Semasa Covid19, Sunnah, Covid19.**

### **Abstract**

Recently, suicide cases have shown a significant increase. Experts and authorities link this phenomenon with the financial stress experienced by society. The situation stems from the unfavorable economic situation due to the Covid19 pandemic which hit almost all countries in the world. Islam forbids any form of action that leads to suicide. Past studies explain this belief has prevents widespread of suicides among Muslims. This article will highlight in detail the sunnah view on the act of suicide. This will strengthen the existing belief among Muslims which will prevent them from committing suicide This is a qualitative study with a content analysis method. Hadiths on suicide will be collected and analyzed. The meanings shown will be identified and sorted. The findings of the study display as follows; 1. Suicide is a major sin, 2. Suicide is included in the sin of killing human beings, 3. The perpetrator will be punished according to how the suicide is committed, 4. The Prophet SAW did not pray over the corpses of those who have committed suicide but told others to, 5. Suicide does not lead to infidelity and 6. Islam forbids the act of hoping

to die.

**Keywords: Suicide, Hadith on Suicide, Suicide during Covid19, Sunnah, Covid 19.**

## **Pendahuluan**

Semenjak wabak 2019 Novel Coronavirus Disease (COVID-19) melanda negara, kejadian bunuh diri menyaksikan pertambahan yang tinggi. Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencatatkan sebanyak 468 kes dalam tempoh Januari hingga Mei 2021. Sedangkan bagi tahun 2019 hanya 609 kes dan tahun 2020 hanya 631 kes. Pakar-pakar percaya perkembangan ini berkait rapat dengan tahap kesihatan mental masyarakat yang mengalami masalah kewangan akibat kehilangan punca pendapatan disebabkan ekonomi yang merudum kesan daripada pandemik (Safeek Affendy Razali, 2021).

Seperti yang sedia maklum, Islam melarang keras penganutNya membunuh diri dengan meletakkannya sebagai dosa besar dan jenayah. Kepercayaan ini menjadi penghalang berlakunya kes bunuh diri secara berleluasa di kalangan orang Islam berbanding penganut agama-agama lain (Rose Fazilah Ismail et al., 2018). Artikel akan mengkaji pandangan Sunnah yang merupakan sumber kedua agama terhadap perbuatan tersebut secara mendalam dan menyeluruh. Hal ini akan mengukuhkan pegangan masyarakat Islam yang menolak tindakan membunuh diri sekaligus menyelamatkan mereka daripada terjebak dengan perkara itu.

Kajian ini dijalankan mengikut kaedah kualitatif daripada jenis analisis kandungan. Secara umum, ia merupakan pemerhatian, penilaian dan analisa yang dijalankan ke atas hadis-hadis bersangkutan isu membunuh diri. Kandungan matan atau teks hadis akan dilihat satu persatu dari pelbagai sudut. Selepas itu, makna-makna yang dinyatakan akan dikeluarkan, dihuraikan dan disusun. Matan asal sesuatu hadis akan disertakan untuk pembuktian.

## **Takrif Dan Beberapa Faktor Utama Bunuh Diri**

Secara bahasa, Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (2007) mentakrifkan bunuh diri sebagai mengambil nyawa sendiri dengan sengaja. Secara istilah, Durkheim (1952) mentakrifkannya dengan kelakuan yang mendatangkan kematian samada secara langsung mahupun tidak langsung daripada sesuatu tindakan positif mahupun negatif yang dilakukan oleh mangsa sendiri. O'Carroll et al., (1996) mentakrifkan bunuh diri sebagai kematian kerana kecederaan oleh diri sendiri dengan niat. Ame Husna Kamin & Salleh Amat (2015) mentakrifkan sebagai perbuatan yang dilakukan bagi membunuh diri sendiri dengan harapan kematian dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Berdasarkan kepada takrif-takrif yang dikemukakan, para pengkaji bersepakat perbuatan bunuh diri mempunyai tiga elemen berikut; 1. Dilakukan dengan sengaja atau dengan niat, 2. Pelaku adalah diri sendiri dan 3. Membawa kematian atau meragut nyawa.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku bunuh diri antaranya kemurungan, penyalahgunaan bahan khususnya dadah, tekanan kewangan dan lain-lain (Noor Hisham Abdullah, 2015). Penyakit kemurungan adalah suatu bentuk gangguan psikiatri yang mengesankan emosi individu. Lazimnya, mereka akan mengalami kesedihan, murung, rendah diri, tidak bermaya, putus asa, letih, selera makan terjejas, tidak boleh tidur, tidak boleh fokus dan menyalahkan diri sendiri

pada setiap kejadian yang berlaku (Meilanny Budiarti Santoso et al., 2018; Nor Ba' Yah Abdul Kadir et al., 2018).

Kemurungan dikelaskan sebagai salah satu jenis penyakit mental. Di Malaysia, ia dikenal pasti penyakit mental yang utama dan sering kali dilaporkan berlaku. Hasil Tinjauan Kajian Morbiditi Kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2015 mendapati prevalens kelaziman individu dewasa berumur di antara 16 tahun ke atas menghadapi gangguan mental adalah sebanyak 29.2 peratus (Rose Fazilah Ismail et al., 2018).

Penyakit mental khususnya kemurungan mempunyai peranan kuat terhadap fenomena bunuh diri di kalangan masyarakat. Jelas terbukti melalui kajian-kajian lepas perkaitan kesihatan mental dan kecenderungan bunuh diri. Sekurang-kurangnya, seseorang yang berkecenderungan membunuh diri mempunyai satu kecelaruan dan kebanyakannya adalah kecelaruan kemurungan (Nurul Sofiah Ahmad Abd Malek et al., 2020).

Penyalahgunaan bahan terutamanya dadah turut menyumbang kepada kes bunuh diri. Hal ini disebabkan ketidakseimbangan cecair kimia pada struktur otak yang disebut sebagai cecair dopamine dan serotonin. Perubahan ini mempengaruhi operasi normal dengan mengganggu fungsi sistem litar ganjaran, motivasi dan tingkah-laku. Ia mengubah motivasi dan emosi seterusnya mewujudkan simptom kemurungan seperti dysthymia, anhedonia serta perasaan kesengsaraan yang sering dikaitkan dengan kemurungan (Rose Fazilah Ismail et al., 2019).

Kajian-kajian di Barat menyokong pernyataan penyalahgunaan dadah menyebabkan risiko penyakit psikiatri seumpama kemurungan, kebimbangan, gangguan bipolar afektif, gangguan psikososial seperti schizophrenia yang mengakibatkan simptom halusinasi dan delusi. Di Malaysia, beberapa kajian dijalankan terhadap penagih dadah menemui hampir separuh daripada mereka menderita kemurungan (Rose Fazilah Ismail et al., 2019). Natiujahnya, perkara-perkara ini akan mencetuskan kecenderungan dan cubaan membunuh diri.

Kewangan merupakan asas dalam hampir segenap kehidupan. Keadaan kewangan yang baik membolehkan individu mendapatkan keperluan asas yang mencukupi seperti makanan, pakaian, tempat tinggal. Bukan itu sahaja, ia membolehkan seseorang memperolehi masa yang lebih banyak bersama keluarga, hiburan dan seumpamanya. Umumnya kesejahteraan kewangan akan mendorong psikologi yang lebih baik (Nazuha Shamshuddin et al., 2018).

Kajian luar negara sebagai contoh di Korea menyebut wanita yang mempunyai status sosio ekonomi rendah mempunyai cubaan membunuh diri yang lebih ketara (Nor Ba' Yah Abdul Kadir et al., 2018). Manakala di negara ini, kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan menegaskan perkara yang sama (Noor Hisham Abdullah, 2015). Ini disokong dengan laporan di laman-laman sesawang seperti ismawebnet yang menyebut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, hasil siasatan JSJ mendapati tiga punca utama yang menyebabkan kejadian bunuh diri adalah kerana tekanan perasaan, masalah keluarga dan faktor kewangan (Fazleen Safina, 2021).

### **Bunuh Diri Semasa Pandemik Covid19 Di Malaysia**

Jangkitan paru-paru (pneumonia) yang diberi nama 2019 Novel Coronavirus Disease (COVID-19) telah melanda hampir kesemua negara sehingga diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia atau World Health Organization (WHO). Penjarakan fizikal telah dikenakan sebagai langkah pencegahan pantas untuk menghalang wabak daripada merebak. Perkara ini menimbulkan isu kesihatan mental kerana kehidupan normal tidak dapat dijalankan ekoran norma baharu. Menurut (Abdul Aziz et al., 2020), langkah tersebut memberikan kesan buruk terhadap mental seperti kegelisahan, gangguan tekanan pasca trauma dan gangguan obsesif-kompulsif. Sebelum itu, kajian Julianne Holt-Lunstad dan kumpulannya menyatakan kebarangkalian kadar kematian melonjak kepada 29% bagi orang yang mengasingkan diri secara kronik.

Kebelakangan ini, kejadian membunuh diri semakin meningkat di kalangan masyarakat. Pakar-pakar menghubungkan fenomena ini dengan tahap kesihatan mental hasil daripada perintah berkurung atau Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan. Situasi yang berterusan mencetuskan kesan berantai. Ramai yang hilang pekerjaan atau berkerja dalam suasana tidak kondusif di rumah. Anak-anak tidak pergi ke sekolah yang menambah beban ibu bapa menguruskan mereka. Pemilik atau pekerja perusahaan kecil dan sederhana tidak beroperasi, rekreasi atau riadah, solat berjemaah di masjid, membeli belah dan pelbagai lagi aktiviti yang terhalang.

Kenyataan Akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia (2021) mengenai keadaan semasa Covid-19 pada 29 Jun 2021 telah menyebut peningkatan kes bunuh diri. Ia menasihatkan ahli keluarga dan orang sekeliling dalam mengenal pasti simptom-simptom awal kemurungan yang boleh menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri untuk membolehkan pencegahan awal dilakukan.

Pensyarah Kanan dan Pakar Psikiatri Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) Dr Ruziana Masiran berkata, kesan psikologi terhadap manusia yang disebabkan oleh pandemik Covid-19 boleh dilihat daripada beberapa sudut antaranya gangguan emosi termasuk perasaan mudah naik marah, kerisauan untuk dijangkiti dan menjangkiti virus tersebut, kesepian dan juga kecenderungan untuk membunuh diri (Liza Mokhtar, 2020).

Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan 609 kes bunuh diri bagi tahun 2019, 631 kes bagi tahun 2020 dan 468 kes bagi tahun 2021 dari bulan Januari hingga Mei. Secara purata dua kes bunuh diri berlaku setiap hari dari tahun 2019 hingga Mei 2021. Angka ini melibatkan 281 lelaki dan 1,427 orang wanita. Mangsa yang berumur antara 15 hingga 18 tahun seramai 872 orang dan mangsa yang berumur antara 19 hingga 40 tahun seramai 668 orang. Cara yang kerap digunakan adalah menggantung diri sebanyak 75.1%, terjun daripada bangunan 13.6% dan minum bahan beracun 5.7% (Safeek Affendy Razali, 2021).

Negeri Johor mencatatkan kes tertinggi pada tahun 2019 dan tahun 2020 sebanyak 101 kes. Manakala Selangor mencatatkan kes tertinggi sejak Januari 2021 hingga Mei 2021 sebanyak 117 kes. Tiga punca utama telah dikenal pasti iaitu masalah keluarga, tekanan perasaan dan kewangan (Safeek Affendy Razali, 2021).

### **Pandangan Sunnah Terhadap Fenomena Bunuh Diri**

Terdapat banyak hadis yang menyentuh perbuatan membunuh diri. Ia diriwayatkan di dalam kitab-kitab yang muktabar seperti Sahih Bukhari, Muslim, Sunan Tirmizi dan sebagainya.

Keseluruhannya adalah hadis-hadis yang berada pada kedudukan yang *maqbul* atau boleh diterima sebagai hujah. Ia terdiri daripada empat jenis iaitu *Sahih*, *Sahih Lighairih*, *Hasan* atau *Hasan Lighairih*.

Selepas pemerhatian, penilaian dan analisa, pengkaji membahagikan pandangan sunnah terhadap fenomena ini kepada perkara-perkara berikut:

## 1. Membunuh Diri Merupakan Dosa Besar

Sunnah menganggap perbuatan membunuh diri merupakan dosa besar. Di dalam Islam, dosa terbahagi kepada dua jenis iaitu dosa besar dan dosa kecil. Dosa besar bermaksud setiap maksiat yang dikenakan hukuman hudud di atas dunia seperti membunuh, berzina, mencuri, atau maksiat yang dijanjikan azab, atau maksiat yang disebut kemurkaan di akhirat atau laknat Allah dan Rasul ke atas pelaku. Manakala dosa kecil adalah selain daripada dosa besar seperti masuk ke dalam masjid dengan pakaian yang kotor, bercakap-cakap ketika imam membaca khutbah, memulaukan muslim lebih daripada tiga hari.

Para sarjana sebulat suara atau ijmak menyatakan tindakan seseorang mengambil nyawanya sendiri merupakan dosa besar secara ijmak. Malah sebahagian mereka menyatakan ia lebih besar dosanya berbanding membunuh orang lain. Ini berdasarkan kepada dalil-dalil syarak khususnya dalil hadis.

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ فِي رَحْمَتِي يَزِيدُ فِيهِ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا، وَمَنْ تَحَسَّى سُمَّلَفَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُّهُ فِي يَدَيْهِ تَحَسَّاهُ فِي رَحْمَتِي خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا، وَمَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَجَأُ بِهَا فِي بَطْنِهِ فِي رَحْمَتِي خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا (رواه البخاري).

Daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: sesiapa yang terjun daripada gunung lalu membunuh dirinya sendiri, maka dia di neraka jahanam, dia akan terjun di dalamnya kekal lagi dikekalkan selamanya. Sesiapa yang meminum racun lalu membunuh dirinya, maka racun di tangannya, dia akan menghirupnya di dalam neraka jahannam kekal lagi dikekalkan selamanya. Sesiapa yang membunuh diri dengan besi, maka besi pada tangannya, dia akan menikam perutnya di dalam neraka jahannam kekal lagi dikekalkan selamanya (Bukhari, 2016).

Muhammad bin Ali bin Adam al-Athyubi (2017) yang menghuraikan hadis menjelaskan ia adalah keterangan pengharaman perkara-perkara yang disebut di dalam hadis dan ia adalah daripada dosa besar yang menafikan kesempurnaan iman dan itu adalah sebab kesesuaian hadis ini diletakkan di bawah tajuk keimanan.

Membunuh diri adalah dosa besar dapat dilihat dengan sabda yang bermaksud “maka dia di neraka jahanam, dia akan terjun di dalamnya kekal selamanya”. Gaya bahasa yang digunakan memberi isyarat ia adalah dosa besar. Menurut Ahlussunnah Waljamaah, hadis tidak membayangkan orang yang melakukannya adalah kafir. Wujud dalil-dalil lain yang mewajibkan setiap mukmin pada akhirnya akan dimasukkan ke dalam syurga (Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz, 2007).

Perkara ini turut difahami berdasarkan tindakan Nabi SAW yang tidak solat ke atas jenazah yang

mati kerana membunuh diri. Ibnu ‘Abd al-Bar (2018) berkata: Baginda tidak solat jenazah ke atas orang yang melakukan dosa besar supaya orang ramai menahan diri daripada maksiat dan dosa besar.

## 2. Membunuh Diri Termasuk Dalam Dosa Membunuh Manusia

Islam mengangkat tuntutan memelihara nyawa manusia di kedudukan yang tinggi (Musa al-Syatibi, 2017). Oleh itu, sangat banyak tegahan membunuh daripada dalil-dalil syarak termasuk hadis. Antaranya:

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْكِبَائِرِ قَالَ: الْإِشْرَاكُ بِاللَّهِ، وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ، وَقَتْلُ  
لِلنَّفْسِ، وَشَهَادَةُ الزُّورِ (رواه البخاري).

Daripada Anas RA, beliau berkata: ditanya kepada Nabi SAW tentang dosa besar, Baginda bersabda: syirik kepada Allah, derhaka kepada ibu bapa, membunuh manusia dan kesaksian palsu (Bukhari, 2016).

Termasuk di dalam dosa membunuh manusia ialah membunuh diri sendiri. Ini disebabkan jasad merupakan milik Penciptanya secara hakiki. Allah SWT mencipta tubuh manusia lantas penggunaannya mesti mengikut peraturan yang ditetapkan. Setiap orang tidak dibenarkan bertindak sesuka hati terhadap harta, umur, ilmu dan seumpamanya maka begitu juga dengan jasad. Manusia tidak memberikan kehidupan kepada dirinya sehingga membolehkannya meragut nyawa tetapi Allah SWT yang menganugerahkan. Oleh itu manusia tidak berhak membuat keputusan menghabiskan ajal sebelum waktu yang ditentukan.

Ibnu Daqiq al-‘Ied (2018) menekankan makna ini di dalam huraian hadis. Menurutnya dosa jenayah ke atas diri sendiri sama seperti jenayah ke atas orang lain. Hal ini disebabkan diri seseorang bukan miliknya secara mutlak bahkan ia milik Allah. Tidak boleh diperlakukan melainkan dengan apa yang diizinkan. Ibnu Hajar al-‘Asqalani (2005) turut mengutarakan perbincangan yang serupa. Beliau menyatakan bahawa hadis tersebut mengharamkan membunuh manusia samada diri pembunuh itu sendiri atau pun orang lain dan manusia adalah milik Allah.

## 3. Diazab Mengikut Cara Membunuh Diri

Orang yang membunuh diri akan diazab mengikut caranya membunuh diri. Mereka akan mengulangi kelakuan tersebut di dalam neraka. Jika dia membunuh diri dengan terjun daripada tempat tinggi, meminum racun, mencederakan anggota badan maka dia akan melakukan perbuatan tersebut berulang kali selagi mana dia berada di dalam neraka.

Selain daripada hadis di atas, wujud hadis-hadis lain yang menerangkan azab orang yang membunuh diri adalah seperti mana caranya membunuh diri. Misalnya:

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ: أَنَّ بَنِي الضَّحَّاكِ وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ الشَّجَرَةِ حَدَّثَهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ

حَلَفَ عَلَى مِلَّةٍ غَيْرِ الْإِسْلَامِ فَهُوَ كَمَا قَالَ، وَلَيْسَ عَلَى ابْنِ آدَمَ نَذْرٌ فِيمَا لَا يَمْلِكُ، وَمَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِشَيْءٍ فِي السُّنْيَا  
عُذِّبَ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ لَعَنَ مُؤْمِنًا فَهُوَ كَقَتْلِهِ، وَمَنْ قَذَفَ مُؤْمِنًا بِكُفْرٍ فَهُوَ كَقَتْلِهِ (رواه البخاري).

Daripada Abi Qilabah, Thabit bin al-Dhahhak dari kalangan sahabat yang berbaiah di bawah pokok telah berbicara kepadanya, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: sesiapa yang bersumpah dengan agama selain Islam maka dia seperti mana yang dia katakan, dan tidak ada nazar ke atas anak adam apa yang dia tidak memilikinya, dan sesiapa yang membunuh dirinya di dunia akan diazab dengannya pada hari kiamat, dan siapa yang melaknat mukmin maka dia seperti membunuhnya, dan siapa yang menuduh seorang mukmin dengan kekufuran maka dia seperti membunuhnya (Bukhari, 2016).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الَّذِي يَخْنُقُ نَفْسَهُ يَخْنُقُهَا فِي النَّارِ، وَالَّذِي يَطْعُنُهَا يَطْعُنُهَا  
فِي النَّارِ (رواه البخاري).

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Nabi SAW bersabda: orang yang menjerut dirinya dia akan menjerutnya di dalam neraka, dan sesiapa yang menikam dirinya dia akan menikamnya di dalam neraka (Bukhari, 2016).

Allah SWT telah menetapkan ketetapan atau *sunnatullah* di mana setiap manusia akan dibalas mengikut amalan yang dilakukan. Kaedah yang dikenali sebagai *al-Jaza' Min Jins al-Amal* dibina melalui pemerhatian terhadap dalil-dalil syarak daripada al-Quran dan Sunnah. Perkara demikian sebagai amaran yang menakutkan manusia daripada melakukan dosa. Sebagai contoh larangan mengambil harta anak yatim secara salah. Al-Quran mengingatkan bahawa orang yang melakukannya akan mati dan mungkin meninggalkan anak-anak yatim yang lemah. Hadis pula menyebut pemimpin yang mempunyai sifat belas kasihan terhadap rakyat akan diberikan belas kasihan oleh Allah SWT dan sebaliknya (Khalid bin Usman al-Sabt, 2018).

#### 4. Nabi SAW Tidak Solat Ke Atas Jenazah Orang Yang Membunuh Diri Tetapi Menyuruh Orang Lain.

Nabi SAW tidak bersolat ke atas jenazah orang yang membunuh diri. Namun begitu para sahabat tetap disuruh melaksanakannya. Tuntutan menyempurnakan jenazah yang antaranya solat tidak gugur samasekali. Fardu kifayah ini sekiranya tidak dibuat oleh sekumpulan orang, seluruh masyarakat di tempat itu akan menanggung dosa.

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ، قَالَ: أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَجُلٍ قَتَلَ نَفْسَهُ بِمَسَاقِصَ مَقَلَمٍ يُصَلِّ عَلَيْهِ (رواه مسلم).

Daripada Jabir bin Samurah, beliau berkata: didatangkan kepada Nabi SAW seorang lelaki yang membunuh dirinya dengan anak panah yang bermata lebar lalu Baginda tidak bersolat terhadapnya (Muslim, 2006).

Ini menjelaskan pandangan yang meletakkan hukum sunat kepada pemimpin, alim ulama, tokoh

masyarakat untuk tidak menghadiri solat jenazah yang diadakan terhadap si mati yang membunuh diri. Orang ramai akan merasa takut seterusnya supaya menjauhi perbuatan terkutuk ini. Mazhab Maliki dan Hanbali antara yang berpegang dengan pendapat ini.

#### 5. Membunuh Diri Tidak Membawa Kepada Kafir.

Ahlussunnah Waljamaah tidak menjatuhkan hukum kafir kepada pelaku bunuh diri. Berpandukan kepada keseluruhan dalil-dalil berkaitan orang yang melakukan dosa besar di mana Allah SWT mengampunkan kesemuanya kecuali syirik. Malah terdapat individu yang membunuh diri di Madinah yang mana Nabi SAW memohon ampun dan beristighfar untuknya.

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ الطُّفَيْلَ بْنَ عَمْرٍو الدَّؤُسِيَّ، أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: رَسُولَ اللهِ، هَلْ لَكَ فِي حِصْنِ حَصِينٍ وَمَنْعَةٍ؟ - قَالَ: حِصْنٌ كَانَ لِدَوْسٍ فِي الْجَاهِلِيَّةِ - فَأَبَى ذَلِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلَّذِي ذَخَرَ لِبِلَالٍ نَصَارٍ، فَلَمَّا هَاجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَدِينَةِ، هَاجَرَ إِلَيْهِ الطُّفَيْلُ بْنُ عَمْرٍو وَهَاجَرَ مَعَهُ رَجُلٌ مِنْ قَوْمِهِ، فَاحْتَوُوا الْمَدِينَةَ، فَمَرِضٌ، فَجَزَعٌ، فَأَخَذَ مَشَاقِصَ لَهُ، فَفَقَطَعَ بِهَلْبَرِاجِمِهِ، فَشَخَبَتْ يَدَاهُ حَتَّى مَاتَ، فَرَأَهُ الطُّفَيْلُ بْنُ عَمْرٍو فِي مَنْامِهِ، فَرَأَهُ وَهَيْئَتُهُ حَسَنَةً، وَرَأَهُ مُعْطِيًا يَدَيْهِ، فَقَالَ لَهُ: مَا صَنَعَ بِكَ رَبُّكَ؟ فَقَالَ: عَفَّرَ لِي بِهَجْرَتِي إِلَى نَبِيِّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: مَا لِي أَرَاكَ مُعْطِيًا يَدَيْكَ؟ قَالَ: قِيلَ لِي: لَنْ نُصَلِّحَ مِنْكَ مَا أَفْسَدْتَ، فَفَقَصَّهَا الطُّفَيْلُ عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اللَّهُمَّ وَلِيَدَيْهِ فَاعْفِرْ (رواه مسلم).

Daripada Jabir bahawa al-Tuffail bin Amru al-Dausi datang menemui Nabi SAW lalu dia berkata: wahai Rasulullah, adakah engkau berada di dalam benteng yang dibentengi dan menghalang musuh?. Dia (perawi) berkata: Bani Daus mempunyai kekuatan pada zaman Jahiliyyah. Nabi SAW menolak kerana Allah telah menyimpannya untuk golongan Ansar. Ketika Nabi SAW berhijrah ke Madinah, al-Tuffail dan beberapa orang daripada kaumnya turut berhijrah. Mereka tidak selesa tinggal di Madinah kerana cuaca lalu ada yang sakit dan tidak dapat bersabar. Seorang telah mengambil anak panah yang lebar dan mengerat sendi-sendinya lalu kedua-dua tangan mengalirkan darah sehingga dia mati. Al-Tuffail telah melihat di dalam mimpinya. Dia melihatnya dengan rupa yang baik dan melihat kedua-dua tangan berlumuran darah. Dia berkata kepadanya: apa yang Tuhanmu lakukan kepadamu. Dia berkata: Dia mengampunkan aku kerana hijrahku dengan Nabi SAW. Dia berkata: kenapa aku melihat kedua-dua tanganmu berlumuran darah?. Dia berkata: dikatakan kepadaku: kami tidak akan mengelokkan apa yang telah engkau rosakkan. Al-Tuffail menceritakannya kepada Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah SAW bersabda: ya Allah ampunkanlah kedua-dua tangannya (Muslim, 2006).

Nabi SAW memperakui mimpi al-Tuffail yang melihat seorang dari kaumnya yang membunuh diri berada di dalam syurga kerana diampunkan oleh Allah SWT. Malah Baginda SAW beristighfar supaya Allah SWT memperelokkan tangan yang dirosakkan. Tindakan memohon keampunan tidak boleh dibuat melainkan orang tersebut masih beragama Islam.

Berkenaan dengan frasa *Khalidan Mukhalladan Fiha Abadan* (kekal lagi dikekalkan di dalamnya selama-lamanya) di dalam hadis sebelumnya, ia tidak bermaksud orang yang melakukan adalah

kafir dan kekal di dalam neraka selama-lamanya. Hal sedemikian akan menyebabkan percanggahan dalil-dalil al-Quran dan Sunnah di dalam masalah yang sama. Justeru, para ulama memberikan beberapa takwilan: pertama; ia untuk orang yang membunuh diri dan menghalalkan perbuatan tersebut, kedua: maksudnya adalah tinggal dalam masa yang lama di dalam neraka sepertimana kata-kata orang arab, aku tidak akan bercakap denganmu selama-lamanya, sedangkan dia berniat untuk bercakap selepas suatu tempoh tertentu dan ketiga: balasannya adalah seperti yang disebutkan tetapi Allah SWT bermurah hati lalu Dia memberitahu bahawa orang yang mati dalam keadaan Islam tidak akan kekal di dalam neraka (Al-Nawawī, 2009).

## 6. Larangan Mengharapkan Kematian.

Islam melarang mengharapkan kematian kerana musibah yang bersifat keduniaan. Misalnya kemiskinan, kematian orang tersayang, kehilangan harta benda dan sebagainya. Sekiranya kerana perkara-perkara yang menggugat keimanan dan ujian terhadap agama ia dibenarkan. Begitu juga mengharapkan kematian yang mulia seperti syahid.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا يَسْتَمَنَّيَنَّ أَحَدٌ مِنْكُمْ الْمَوْتَ لِضُرِّنَزَلَ بِهِ، فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ مُتَمَنِّيًّا لِلْمَوْتِ فَلْيَقُلْ: اللَّهُمَّ أَحْيِي مَا كَانَتْ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّيْ إِذَا كَانَتْ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي (رواه البخاري).

Daripada Anas RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: jangan seseorang kamu mengharapkan kematian kerana musibah yang menyimpannya. Jika tidak dapat tidak dia mengharapkan kematian maka katalah: ya Allah, hidupkanlah aku selagi kehidupan adalah baik untukku dan matikanlah aku jika kematian adalah baik untukku (Bukhari, 2016).

Hadis-hadis berkaitan bunuh diri diletakkan di bawah tajuk ‘makruh mengharapkan kematian kerana musibah’. Ibnu Hajar al-‘Asqalani mengisyaratkan bahawa hukum makruh kerana frasa ‘jika tidak dapat tidak dia mengharapkan kematian maka katalah...’. Ia menunjukkan perbuatan tersebut boleh dilakukan tetapi tidak digalakkan atau sangat tidak digalakkan. Jika seseorang tidak mampu lari dari meluahkan, sebaik-baiknya dia berdoa seperti yang disarankan kerana manusia tidak mengetahui perkara yang akan terjadi dan merupakan bentuk penyerahan kepada qada dan qadar (Ibnu Hajar al-Asqalānī, 2005).

Sebenarnya umur yang panjang adalah lebih baik kerana seseorang tidak mengetahui apa yang bakal berlaku. *Sunnatullah* memutuskan tiada satu keadaan yang akan berterusan selama-lamanya. Ketetapan ini menjadi peraturan alam yang diatur oleh Allah SWT. Kehidupan manusia bersilih ganti di antara kesusahan dan kesenangan.

وَأَنَّ الْفَرْجَ مَعَ الْكُرْبِ، وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (رواه أحمد).

Dan sesungguhnya kelapangan bersama dengan kesempitan dan sesungguhnya kesusahan bersama dengan kesenangan (Ahmad, 2001).

Perkara yang paling utama ialah kesempatan membuat amal soleh dan peluang bertaubat. Usia yang tersisa menjadi kelebihan kepada semua orang. Jika orang yang baik maka dia boleh menambah amal

soleh dan jika orang yang jahat maka dia boleh bertaubat.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: لَا يَتَمَنَّي أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ إِلَّا مُحْسِنًا فَلَعَلَّهُ يَزِدُّهُ، وَإِنَّمَا مُسِيئًا فَلَعَلَّهُ يَسْتَعْتَبُ (رواه البخاري).

Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: jangan seseorang kamu mengharapkan kematian. Jika dia orang yang berbuat baik mudah-mudahan dia menambah dan sekiranya dia orang yang berbuat jahat mudah-mudahan dia mencari keredaan (Bukhari, 2016).

## Kesimpulan

Melihat kepada hadis-hadis yang telah disebutkan, Islam melarang dengan tegas tindakan membunuh diri dan sebarang perkara yang mendorong ke arahnya. Pelaku akan diazab seperti mana caranya membunuh diri. Jika dia melakukannya dengan terjun daripada tempat yang tinggi maka dia akan melakukannya berulang kali di dalam neraka jahannam. Betapa besar dosa membunuh diri sehinggakan Nabi SAW tidak solat ke atas jenazah mereka. Walaubagaimanapun, perbuatan itu tidak mengeluarkan seseorang daripada agama dan menjadikannya kafir. Dari awal lagi, Islam melarang umat mengharapkan kematian disebabkan musibah yang bersifat keduniaan seperti kemiskinan dan kehilangan orang tersayang. Para sarjana menyatakan hukum mengharapkan kematian adalah makruh.

## Penghargaan

Ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih ditujukan kepada Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Penghargaan ini turut diberikan kepada pihak Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT) kali ke 7.

## Rujukan

- Abdul Aziz, A. rashid, Mohd Sukor, N., & Ab Razak, N. H. (2020). Wabak COVID-19 : pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 156–174. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>
- Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz. (2007). *Al-Hulal al-Ibriyyah Min al-Ta'aliqat al-Baziyyah 'Ala Sahih al-Bukhari* (1st ed.). Dar al-Salam.
- Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. (2005). *Fath al-Bārī Šarḥ Šahīḥ al-Buḥārī* (1st ed.). Dar al-Taybah.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (2001). *Al-Musnad* (1st ed.). Mua'ssarah al-Risālah.
- Al-Nawawī, Y. bin Š. (2009). *al-Minhāj Fī Šarḥ Šahīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Bayt al-Afkār al-Duwalīyyah.
- Ame Husna Kamin, & Salleh Amat. (2015). Persepsi Kaunselor terhadap Isu berkaitan Bunuh Diri dan Idea Membunuh Diri: Satu Analisa Ame Husna Kamin. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 9789671147(2–0).
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. 4, 2500.
- Durkheim, É. (1952). *Suicide: A Study in Sociology* (1st ed.). Routledge & Kegan Paul LTD.

- Fazleen Safina. (2021). *Bunuh diri: Khidmat nasihat kepada individu alami pelbagai masalah*.  
Ismaweb. <https://ismaweb.net/2021/07/01/bunuh-diri-khidmat-nasihat-kepada-individu-alami-pelbagai-masalah/>
- Ibrahim bin Musa al-Syatibi. (2017). *Al-Muwafaqat* (t. t). Dar Ibnu Hazm.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021, June). *Kenyataan Akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) Di Malaysia 29 Jun 2021*.
- Khalid bin Usman al-Sabt. (2018). Qaidah al-Jaza' Min Jins al-'Amal Watatbiqatuha Fi al-Quran al-Karim. *Majallah Al-Jami'ah Al-Islamiyyah Li-Al-'Ulum Al-Syar'iyah*, 185, 63–109.
- Liza Mokhtar. (2020). *Covid-19 'bunuh' mental rakyat*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/106522/Covid-19-bunuh-mental-rakyat>
- Meilanny Budiarti Santoso, Dessy Hasanah Siti Asiah, & Chenia Ilma Kirana. (2018). *Bunuh Diri Dan Depresi Dalam Perspektif Pekerjaan Sosial. Prosiding Penelitian Dan Pengabdian Kepada Masyarakat*, 4(3), 390. <https://doi.org/10.24198/jppm.v4i3.18617>
- Muhammad bin Ali bin Adam al-Athyubi. (2017). *Al-Bahr al-Muhith al-Thajjaj Fi Syarh Sahih al-Imam Muslim bin al-Hajjaj* (1st ed.). Dar Ibnu al-Jawzi.
- Muhammad bin Ali Ibnu Daqiq al-Ied. (2018). *Ihkam al-Ihkam Syarh 'Umdah al-Ahkam* (1st ed.). Dar Ibnu Hazm.
- Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhari. (2016). *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Muḥtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa-Sunaniḥi Wa-Ayyāmī* (1st ed.). al-Buhsra.
- Muslim bin Al-Ḥajjāj. (2006). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Muḥtaṣar Min al-Sunan Binaql al-'Adl 'An al-'Adl 'An Rasūlillāh SAW* (1st ed.). Dār al-Ṭaybah.
- Nazuha Shamshuddin, Haikal Anuar Adnan, & Ahmad Khairuddin Mohd Ghazi. (2018). Hubungan Di Antara Kesejahteraan Kewangan Dengan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Kementerian Sumber Manusia. *Jurnal Psikologi Dan Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*, 13, 142–162.
- Noor Hisham Abdullah. (2015). *Sayangi Nyawa Hidupkan Harapan*. 1–2.
- Nor Ba'yah Abdul Kadir, Diana Johan, Nur Saadah Mohamad Aun, Norhayati Ibrahim, & Hilwa Abdullah@Mohd. Nor. (2018). Kadar Prevalens Kemurungan dan Cubaan Bunuh Diri dalam kalangan Remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 150–1658.
- Nurul Sofiah Ahmad Abd Malek, Noraini Abdol Raop, & Mohd Sufiean Hassan. (2020). Peranan Kesihatan Mental sebagai Moderator terhadap Kecenderungan Bunuh Diri. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 87–99.
- O'Carroll, P. W., Berman, A. L., Maris, R. W., Moscicki, E. K., Tanney, B. L., & Silverman, M. M. (1996). Beyond the Tower of Babel: A Nomenclature for Suicidology. *Suicide and Life-Threatening Behavior*, 26(3), 237–252. <https://doi.org/10.1111/j.1943-278x.1996.tb00609.x>
- Rose Fazilah Ismail, Rusdi Abd. Rashid, Haris Abd. Wahab, & Zahari Ishak. (2019). Simptom Kemurungan Dalam Kalangan Penagih Dadah Wanita Di Pusat Rawatan Dan Pemulihan Dadah. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 168–192.  
<https://doi.org/10.24200/jonus.vol4iss2pp168-192>
- Rose Fazilah Ismail, Rusdi Abd. Rashid, Zahari Ishyak, & Haris Abd. Wahab. (2018). WANITA DAN KEMURUNGAN DARI PERSPEKTIF JURANG GENDER: SIMPTOM DAN FAKTOR (Women and depression from the perspective of gender gap: Symptoms and factors). *The Malaysian Journal of Social Administration*, 13, 78–100.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/MJSA/article/download/13158/8330/>
- Safeek Affendy Razali. (2021). *1,099 bunuh diri sejak 2020 hingga Mei 2021*. Berita Harian.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834248/1099-bunuh-diri-sejak-2020->

hingga-mei-2021

Yusuf bin Abdullah Ibnu 'Abd al-Bar. (2018). *Al-Istizkar al-Jami' li-Mazahib Fuqaha' al-Amsar* (4th ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.